


Apa itu BRG?

- Bajet Responsif Gender (BRG) adalah satu pendekatan dalam membuat bajet dan dasar yang mengambil kira keperluan yang berbeza oleh kelompok masyarakat yang berlainan terutamanya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.
- Projek Perintis BRG selama tiga tahun dari 2012 hingga 2014 adalah usahasama antara Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan dua kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).
- Projek ini turut mendapat sokongan padu dan pembiayaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bajet
Peruntukan Wajar



Responsif
Peka Kepada Keperluan



Gender
Kelompok Berlainan



Kenapa BRG?

- Memberikan rakyat hak bersuara tentang perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan tempatan.
- Menggalakkan demokrasi tempatan, kesaksamaan gender dan keadilan sosial.
- Membuka ruang kepada komuniti untuk menyertai dialog bajet dan proses membuat keputusan.

Peranan BRG?



KOMUNITI

- Bertindak sebagai pengguna perkhidmatan.
- Menyuarkan keperluan-keperluan kepada BRG menerusi dialog dan kumpulan tumpu-bincang.

BRG

- Bertindak sebagai pengantara antara komuniti dengan kerajaan.
- Mengambil kira keperluan berlainan oleh kelompok yang berbeza (lelaki, wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU) dalam perancangan bajet kerajaan tempatan.
- Memudahkan proses penyampaian keperluan komuniti kepada kerajaan tempatan.

KERAJAAN NEGERI DAN TEMPATAN

- Bertindak sebagai penyedia perkhidmatan.
- Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan seperti pungutan sampah sarap, kebersihan, lampu jalan dan longkang kepada komuniti.

Projek BRG membuka ruang komunikasi dua hala antara komuniti dengan kerajaan terutamanya dalam dialog bajet tahunan.